



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



**BUKU PANDUAN DAN PROSEDUR  
PERMOHONAN & TUNTUTAN BAYARAN  
PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN  
SKIM PEMBIAYAAN TRANSFORMASI  
KERANGKA PRODUKTIVITI INSAN (TKPI)**

## 1.0 TUJUAN

Buku Panduan ini adalah bertujuan bagi menjelaskan kepada Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (PPKN) yang berdaftar dengan PTPK, pelatih kemahiran, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan kakitangan PTPK mengenai prosedur permohonan dan tuntutan bayaran seperti yang telah ditetapkan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di bawah Skim Pembiayaan Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI).

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerangka pendidikan Malaysia memerlukan transformasi yang seiring dengan standard yang digunapakai di dalam International Standard Classification of Education (ISCED) oleh UNESCO Institute of Statistics.
- 2.2 Keperluan akademik dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memerlukan proses kesetaraan dan kesaksamaan.
- 2.3 Penekanan kepada pendidikan bukan formal berdasarkan program peningkatan bakat di industri Malaysia. Usaha ini merupakan pelaksanaan oleh industri kepada industri dan ianya perlu diiktiraf oleh pihak Kerajaan.
- 2.4 Selain itu, meningkatkan Kemahiran Semula Yang Mampan (*Upskilling and Reskilling*) Melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (PPKN).
- 2.5 Tenaga kerja Malaysia memerlukan satu usaha peningkatan kemahiran semula melalui proses upskilling and reskilling sebagai satu usaha pengukuhan untuk industri Malaysia.
- 2.6 Pemerkasaan Produktiviti Insan Terhadap Aspek Produktiviti Yang Tinggi dan usaha ini memerlukan transformasi produktiviti insan yang menyeluruh melalui inisiatif pemerkasaan menggunakan kaedah *Behavioural Insights* dan juga peningkatan kemahiran insan (*soft skills*) yang dikenalpasti.

## 3.0 SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN

- 3.1 PPKN yang ingin membuat permohonan Skim Pembiayaan Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI) bagi pihak pelatih mereka hendaklah menjalankan program latihan kemahiran yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan diluluskan oleh PTPK.
- 3.2 Tempoh pentauliahan atau pendaftaran Penyedia Latihan (PL), Skim Pembiayaan, program latihan kemahiran dan Pengurus Pusat Bertauliah dengan JPK dan PTPK masih sah dan diluluskan semasa tempoh permohonan.
- 3.3 Mana-mana PPKN yang telah berdaftar dengan PTPK dengan program yang sedia ada dikehendaki membuat permohonan penambahan skim latihan dan memenuhi syarat-syarat pendaftaran Penyedia Latihan (PL) dengan PTPK.

- 3.4 Program latihan kemahiran dilaksanakan secara jangka pendek (**tujuh (7) hari dan maksimum selama enam (6) bulan**) sama ada persijilan penuh atau *modular* atau *customized* atau Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bergantung kepada permintaan majikan/ industri di bawah Persijilan Kemahiran Malaysia (PKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- 3.5 Program latihan kemahiran yang dijalankan memberi impak segera kepada penempatan pekerjaan.
- 3.6 PPKN juga digalakkan untuk menawarkan kursus latihan secara '*added value*' bagi memenuhi keperluan pekerjaan/ industri. Persijilan yang dikeluarkan sendiri oleh PPKN adalah tidak dipertimbangkan.
- 3.7 PPKN hendaklah mengenal pasti dan mendapatkan penempatan pekerjaan pelatih di majikan/ syarikat sebelum memulakan latihan.

#### 4.0 ELEMEN PEMBIAYAAN

Kadar pembiayaan adalah mengikut kadar yuran semasa yang telah diluluskan oleh PTPK.

4.1 Elemen kadar pembiayaan adalah meliputi:

- a) Yuran Latihan; dan
- b) Yuran Program Nilai Tambah.

Tiada Kos Sara Hidup (KSH) dibiayai di bawah skim ini.

4.2 Yuran Latihan akan dibayar terus ke akaun bank PPKN berdasarkan tatacara pembayaran semasa yang berkuat kuasa.

4.3 Bayaran Yuran Latihan akan dibuat secara dua (2) fasa iaitu:

- (i) **Fasa 1:**  
90 peratus (%) akan dibayar selepas dokumen permohonan berstatus "**PERJANJIAN LENGKAP**".
- (ii) **Fasa 2:**  
Baki Yuran 10 peratus (%) akan dibayar setelah 3 bulan pelatih menamatkan latihan dan mencapai *outcome* Skim yang telah ditetapkan yang diperakukan oleh pihak MPC.

4.4 Sekiranya tiada tuntutan daripada PPKN dan perakuan daripada MPC selepas 6 bulan pelatih menamatkan latihan, PTPK boleh untuk tidak membayar atau menolak tuntutan Baki Yuran 10% berdasarkan budi bicara mutlaknyanya.

4.5 Di bawah adalah kadar peratus yuran yang layak dituntut oleh PPKN:

Status Permohonan Pelatih	Kadar Kelayakan Tuntutan Oleh PPKN
Perjanjian Lengkap	Tuntutan 90 peratus (%) Yuran dibayar setelah berstatus Perjanjian Lengkap.
Selepas 3 bulan pelatih tamat latihan dan mencapai <i>outcome</i> .	Tuntutan 10 peratus (%) Baki Yuran oleh PPKN.

4.6 PPKN perlu mengembalikan yuran yang tidak layak diterima sekiranya pelatih tidak menamatkan latihan atas sebab yang tidak munasabah. Pengiraan akan dibuat secara *proportionate* mengikut tempoh pelatih mengikuti latihan sahaja.

## 5.0 KRITERIA KELAYAKAN PELATIH

5.1 PL boleh memohon untuk Skim Pembiayaan Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI) bagi pelatihnya yang memenuhi kriteria berikut:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur 15 tahun hingga 55 tahun pada tahun permohonan;
- (iii) Bukan seorang yang diisytiharkan muflis;
- (iv) Mengikuti latihan di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (PPKN) yang berdaftar dengan PTPK;
- (v) Mengikuti program/ kursus Latihan Kemahiran yang diluluskan oleh PTPK;
- (vi) Program latihan dijalankan secara Persijilan Penuh atau “Modular” atau “Customized” atau Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT);
- (vii) Mengikuti latihan secara sepenuh masa atau separuh masa yang diluluskan oleh JPK;
- (viii) Tidak mempunyai sebarang tunggakan dalam pinjaman PTPK terdahulu atau telah mendapat kelulusan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPK;
- (ix) Tidak mendapat mana-mana pembiayaan atau tajaan daripada agensi Kerajaan atau institusi kewangan yang lain dalam tempoh latihan yang diikuti;
- (x) Pelatih hanya boleh menjalani satu Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan TKPI pada satu-satu masa; dan
- (xi) Kemudahan pembiayaan layak diberikan kepada pelatih sekali sahaja. Pelatih yang pernah mendapat mana-mana skim pembiayaan PTPK sebelum ini, tidak layak memohon Skim ini. Walau bagaimanapun, pelatih layak mendapatkan kemudahan pinjaman di bawah Skim Pinjaman TVET.

## 5.2 Kriteria tambahan bagi kategori Pekerja Awam/ Swasta

- (i) Pekerja sedia ada yang sedang berkhidmat di majikan/ syarikat telah mendapat pelepasan daripada majikan untuk mengikuti latihan kemahiran; dan
- (ii) Pekerja yang memerlukan latihan kemahiran bagi tujuan untuk peningkatan kemahiran (*upskilling*) atau latihan semula (*reskilling*).

## 5.3 Kriteria tambahan bagi kategori Pelatih Lulusan Sekolah/ Graduan Lulusan IPTA/ IPTS/ Graduan Menganggur

- (i) Bukanlah merupakan pelajar sekolah atau pelajar universiti yang sedang menuntut atau pelajar yang sedang menjalani latihan industri dalam tempoh latihan; dan
- (ii) Pelatih yang memerlukan latihan tambahan untuk peluang pekerjaan mengikut kelayakan melalui latihan semula (*reskilling*) bagi tujuan meraih pendapatan yang lebih tinggi.

## 6.0 PENETAPAN PENCAPAIAN OUTCOME

- 6.1 Pelatih hendaklah diberikan penempatan pekerjaan terlebih dahulu di Syarikat/ Industri sebelum menjalani latihan di PPKN berdasarkan kepada konsep **Penempatan dan Latih (*Place and Train*)**.
- 6.2 Menghasilkan satu kerangka pendidikan bukan formal dan kesetaraan yang bersesuaian untuk kegunaan peringkat nasional.
- 6.3 PPKN perlu memastikan pelatih yang menjalani latihan memenuhi satu atau lebih kriteria *outcome* seperti berikut:
  - a) Penempatan Pekerjaan/ Pengekalan Pekerjaan; atau
  - b) Peningkatan Kerjaya/ Kenaikan Pangkat; atau
  - c) Peningkatan Pendapatan.

## 7.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 7.1 Permohonan pembiayaan hendaklah dibuat oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (PPKN) bagi pihak pelatih secara dalam talian (*online*) di laman web PTPK (<http://www.ptpk.gov.my>) melalui portal Penyedia Latihan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelatih memulakan latihan yang didaftarkan di JPK.
- 7.2 Setelah permohonan pembiayaan secara *online* melalui Sistem Pengurusan Pinjaman PTPK (SPPiv) diluluskan, PPKN perlu membuat penerimaan tawaran di SPPiv.

- 7.3 Setelah membuat pengesahan penerimaan tawaran permohonan pembiayaan di SPPiv, PPKN boleh mencetak dokumen-dokumen permohonan di SPPiv dan perlu menghantar Surat Perjanjian dan dokumen sokongan ke PTPK dalam tempoh 60 hari daripada tarikh Surat Tawaran Pembiayaan dikeluarkan.
- 7.4 PPKN dan pelatih hendaklah memastikan semua dokumen seperti mana yang dinyatakan dalam Borang Senarai Semak Dokumen dilengkapkan sebelum dikemukakan kepada PTPK.

## 8.0 PENOLAKAN PERMOHONAN

- 8.1 Permohonan Pembiayaan TKPI boleh ditolak atau dibatalkan atas mana-mana atau semua alasan berikut :
- a) Penolakan di peringkat permohonan dalam talian:
    - (i) Maklumat tidak lengkap diisi secara dalam talian;
    - (ii) Permohonan dalam talian melebihi 60 hari daripada tarikh pelatih memulakan latihan; dan
    - (iii) Mana-mana alasan yang difikirkan munasabah oleh PTPK.
  - b) Penolakan di peringkat penerimaan dokumen:
    - (i) Pemohon yang memberikan apa-apa maklumat palsu, menyembunyikan apa-apa fakta atau memberikan maklumat yang mengelirukan;
    - (ii) Gagal mengemukakan dokumen lengkap dalam tempoh **enam puluh (60) hari** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan;
    - (iii) Pemohon gagal mematuhi terma, syarat kelulusan permohonan; dan
    - (iv) Mana-mana alasan yang difikirkan munasabah oleh PTPK.

## 9.0 TATACARA PENGISIAN SURAT PERJANJIAN

- 9.1 Perjanjian Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI) perlu dicetak **sebanyak dua salinan** bagi setiap pelatih dan dicetak secara depan belakang.
- 9.2 Tatacara mengisi dan melengkapkan Perjanjian:
- a) **Dakwat yang perlu digunakan**
    - (i) Pen/ pen mata bulat (*ball point*) **berdakwat hitam** atau **biru** sahaja. Pastikan hanya menggunakan satu warna pen sahaja.
  - b) **Cukai Setem**
    - (i) Perjanjian hendaklah dimatikan/ diremitkan dengan **setem hasil** pada setiap salinan Perjanjian Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI)

oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau Jabatan-jabatan lain yang diiktiraf oleh Kerajaan.

- (ii) Perjanjian hendaklah dimatikan/ diremitkan setem **pada atau selepas** tarikh Surat Tawaran Pembiayaan dikeluarkan.
- c) **Tandatangan**
  - (i) Pelatih hendaklah menurunkan tandatangan ringkas **di ruang yang disediakan** pada setiap helaian muka surat perjanjian.
- d) **Kesilapan pengisian maklumat**
  - (i) Pelatih hendaklah **memotong dengan satu garisan** (*tidak boleh menggunakan pemadam cecair*) dan menurunkan tandatangan ringkas. Maklumat nombor kad pengenalan tidak boleh dipinda.
  - (ii) Jika didapati kotor atau rosak, pelatih akan diminta mengisi Perjanjian Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI) yang baru dan sekiranya cukai setem telah dimatikan/ diremitkan maka pelatih perlu mendapatkan cukai setem yang baru dan kos hendaklah ditanggung oleh pelatih sendiri.

### 9.3 Syarat-syarat saksi untuk Perjanjian

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Hendaklah benar-benar menyaksikan pelatih menurunkan tandatangan pada perjanjian;
- c) Hendaklah **menurunkan cap rasmi** yang tertera **nama, nombor kad pengenalan, jawatan dan jabatan di mana pegawai bertugas**; dan
- d) Individu yang layak menjadi saksi adalah seperti berikut:
  - (i) Wakil Rakyat (Parlimen & DUN) dan Senator;
  - (ii) Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (gred 41 ke atas);
  - (iii) Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas/ Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas;
  - (iv) Jaksa Pendamai, Penghulu, Ketua Kampung, Penggawa, Tuai Rumah, Ketua Kaum/ Mukim; atau
  - (v) Pengurus Pusat Bertauliah/ Pengurus Penyedia Latihan yang berdaftar dengan PTPK.
- e) **Majistret / Notari Awam / Pesuruhjaya Sumpah tidak dibenarkan** menjadi saksi kepada pelatih.
- f) Semua jawatan di syarikat *Government Linked Company* (GLC), jawatan politik, jawatan Kerajaan bukan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah **TIDAK LAYAK** menjadi saksi.

## 10.0 PROSEDUR TUNTUTAN BAYARAN BAKI YURAN LATIHAN 10%

- 10.1 Tuntutan Bayaran Baki Yuran Latihan 10 peratus (%) dibuat selepas 3 bulan pelatih menamatkan latihan.
- 10.2 PPKN hendaklah mengemukakan tuntutan Bayaran Baki Yuran Latihan 10 peratus (%) ke MPC untuk penilaian. MPC akan mempertimbangkan pembayaran tuntutan Baki Yuran Latihan 10% bagi pelatih yang telah mencapai *outcome* yang ditetapkan seperti di para 6.3 dan mengemukakan ke PTPK untuk tujuan pembayaran.
- 10.3 Sekiranya tiada tuntutan daripada PPKN selepas 6 bulan pelatih menamatkan latihan, MPC dan PTPK boleh untuk tidak mempertimbangkan membayar atau menolak tuntutan Bayaran Baki Yuran Latihan 10% berdasarkan budi bicara mutlakanya.
- 10.4 PPKN hendaklah memastikan semua dokumen Tuntutan Bayaran Baki Yuran Latihan 10% dilengkapkan sebelum dikemukakan kepada PTPK.

## 11.0 PEMBATALAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN

- 11.1 Pembatalan pembiayaan boleh dilakukan sekiranya mendapat permohonan atau tidak daripada pelatih, wakil pelatih / pewaris atau penyedia latihan seperti di **Lampiran 8** (Borang Pembatalan/ Batal Baki (PTPK/BPPLP/200-20)).
  - a) Kriteria Pembatalan Permohonan Pembiayaan (Sebelum Pembayaran pembiayaan dilakukan).
    - (i) Pelatih menarik diri sebelum pembayaran pembiayaan dilakukan;
    - (ii) Pelatih meninggal dunia sebelum pembayaran pinjaman dibuat;
    - (iii) Pelatih telah mendapat pembiayaan daripada mana-mana institusi/ agensi pembiaya;
    - (iv) Pelatih dikenakan tindakan tatatertib/ undang-undang seperti terlibat dengan jenayah;
    - (v) PTPK berhak membatalkan pembiayaan tanpa sebarang notis pemakluman yang difikirkan munasabah;
    - (vi) Pelatih muflis dalam tempoh pengajian;
    - (vii) Peminjam tidak waras/ gila.
  - b) Kriteria Pembatalan Baki Pembiayaan
    - (i) Pelatih telah meninggal dunia dalam tempoh latihan;
    - (ii) Pelatih telah mendapat pembiayaan daripada mana-mana institusi/ agensi pembiaya;
    - (iii) Pelatih berhenti latihan sebelum tempoh tamat latihan.
    - (iv) Pelatih dikenakan tindakan tatatertib/ undang-undang seperti terlibat dengan jenayah;
    - (v) PL gagal mengemukakan tuntutan bayaran baki yuran latihan 10%.



## 12.0 PENALTI & PEMULANGAN BALIK PEMBIAYAAN

- 12.1 Pelatih diwajibkan untuk menamatkan latihan yang diikuti dan sekiranya gagal, pelatih perlu membayar ganti rugi kepada PTPK sejumlah wang tidak melebihi RM5,000.00 kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah seperti kematian/ kecacatan kekal, menyambung pengajian, mendapat pekerjaan atau apa-apa sahaja alasan yang munasabah. Rayuan penalti akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penalti.
- 12.2 PL hendaklah mengembalikan yuran latihan yang tidak layak diterima sekiranya pelatih tidak menamatkan latihan atas sebab yang tidak munasabah. Pengiraan mengembalikan yuran latihan dibuat secara *proportionate* mengikut tempoh pelatih mengikuti latihan sahaja.
- 12.3 Sekiranya Tuntutan Bayaran Baki Yuran Latihan 10 peratus (%) tidak diperakukan oleh MPC atau PPKN gagal mengemukakan Tuntutan Bayaran Baki Yuran Latihan 10 peratus (%) dalam tempoh yang ditetapkan, maka PPKN hendaklah memulangkan keseluruhan yuran 90 peratus (%) yang telah diterima ke PTPK.

## 13.0 PROSEDUR PEMANTAUAN

- 13.1 PPKN hendaklah menjalankan pemantauan *outcome* selama tempoh tiga (3) bulan selepas pelatih menamatkan latihan.
- 13.2 MPC akan mengadakan aktiviti pemantauan serta menjalankan kajian dan survei impak pelaksanaan projek
- 13.3 PTPK akan melaksanakan pemantauan pelaksanaan program dari semasa ke semasa sehingga program tamat dan penempatan pelatih ke dalam industri.

## 14.0 LAMPIRAN

Senarai dokumen yang digunakan dalam prosedur permohonan dan prosedur pembayaran pelatih Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI):

- 14.1 **Lampiran 1** - Borang Permohonan
- 14.2 **Lampiran 2** - Senarai Semak Dokumen Permohonan
- 14.3 **Lampiran 3** - Contoh Surat Tawaran & Penerimaan Tawaran Pembiayaan
- 14.4 **Lampiran 4** - Contoh Surat Perjanjian
- 14.5 **Lampiran 5** - Borang Kebenaran/ Keizinan Pembayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Bank Penyedia Latihan
- 14.6 **Lampiran 6** - Senarai Semak Dokumen Tuntutan Bayaran Baki Yuran Latihan 10%
- 14.7 **Lampiran 7** - Tuntutan Bayaran Baki Yuran Latihan 10%
- 14.8 **Lampiran 8** - Borang Pembatalan Pembiayaan

## 15.0 KUASA PERBADANAN

Perbadanan boleh pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan pendaftaran penyedia latihan kemahiran jika penyedia latihan melanggar mana-mana peruntukan di dalam Akta tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

## 16.0 KUASA KETUA EKSEKUTIF UNTUK MENGEQUALIKAN

Ketua Eksekutif boleh untuk mengecualikan, meminda dan membatalkan apa-apa peruntukan mengikut budi bicara yang dibuat di bawah Buku Panduan ini.

## 17.0 TARIKH KUAT KUASA / RUJUKAN

Buku panduan dan prosedur tuntutan bayaran ini hendaklah diguna pakai oleh PTPK / PL **berkuat kuasa mulai ia dikeluarkan** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan pekeliling lain yang berkaitan yang masih berkuat kuasa.

## 18.0 TEMPAT RUJUKAN

Sekiranya terdapat pertanyaan dalam pelaksanaan Skim Pembiayaan Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI), sila berhubung terus dengan Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan & Pembiayaan melalui e-mel [pegawaibpl@ptpk.gov.my](mailto:pegawaibpl@ptpk.gov.my).

Cawangan Pembiayaan  
Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan & Pembiayaan  
Perbadanan Tabung pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia  
April 2023



## PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

---

### LAMPIRAN 1

### Borang Permohonan

---



**BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN  
SKIM TRANSFORMASI KERANGKA PRODUKTIVITI INSAN (TKPI)**

*(Sila baca syarat permohonan dan arahan dengan teliti sebelum mengisi borang ini)*

**SYARAT-SYARAT PEMOHON**

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur di antara 15 hingga 55 tahun pada tahun permohonan;
3. Bukan seorang yang diisytiharkan muflis;
4. Mengikuti latihan di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (PPKN) yang berdaftar dengan PTPK;
5. Mengikuti program/ kursus Latihan Kemahiran yang diluluskan oleh PTPK;
6. Program latihan dijalankan secara Persijilan Penuh atau "Modular" atau "Customized" atau Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT);
7. Mengikuti latihan secara sepenuh masa atau separuh masa yang diluluskan oleh JPK;
8. Pekerja yang sedang berkhidmat di majikan/ syarikat dan mendapat pelepasan daripada majikan;
9. Pelatih yang memerlukan latihan tambahan untuk peluang pekerjaan mengikut kelayakan melalui latihan semula dengan pendapatan lebih tinggi;
10. Bukan terdiri daripada pelajar sekolah atau penuntut yang sedang mengikuti pengajian di mana-mana institusi pengajian;
11. Tidak mempunyai sebarang tunggakan dalam pinjaman PTPK terdahulu atau telah mendapat kelulusan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPK;
12. Tidak mendapat mana-mana pembiayaan atau tajaan daripada agensi Kerajaan atau institusi kewangan yang lain dalam tempoh latihan yang diikuti;
13. Pelatih hanya boleh menjalani satu Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan TKPI pada satu-satu masa; dan
14. Kemudahan pembiayaan layak diberikan kepada pelatih sekali sahaja. Pelatih yang pernah mendapat mana-mana skim pembiayaan PTPK sebelum ini, tidak layak memohon Skim Pembiayaan TKPI.

**ARAHAN**

1. Sila lampirkan dan lengkapkan dokumen permohonan seperti mana yang dinyatakan pada dokumen Senarai Semak Dokumen Permohonan (PTPK/BPPLP/200-TKPI-2).
2. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Penyedia Latihan masing-masing kepada Perbadanan.

**MAKLUMAN**

1. Jumlah pembiayaan mengikut program/ kursus dan tahap latihan kemahiran yang diikuti di Penyedia Latihan.
2. Perbadanan tidak akan memproses mana-mana permohonan yang tidak lengkap.
3. Pastikan semua dokumen yang diminta disertakan bersama-sama permohonan ini. Sila semak senarai semak sebelum menghantar permohonan.

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PELATIH						
Nama Penuh Pelatih (mengikut kad pengenalan)						Gambar Pelatih (Saiz Pasport)
No. Kad Pengenalan						
Alamat Tetap (termasuk poskod)						
Alamat Surat-menyurat (termasuk poskod)						
Telefon Rumah		Telefon Bimbit		E-mel		
Tarikh Lahir		Jantina		Taraf Perkahwinan		
Warganegara		Kaum		Tidak Mufliis/Bankrap		
Sihat Tubuh Badan		Golongan Rentan				
Tidak Mendapat Mana-Mana Pembiayaan/ Bantuan Kewangan Daripada PTPK/ Institusi Kewangan						
Kriteria Pelatih						
BAHAGIAN B: MAKLUMAT PENYEDIA LATIHAN DAN PROGRAM LATIHAN (diisi oleh Penyedia Latihan)						
Nama Penyedia Latihan						
Nama Penyedia Latihan						
Program Latihan Yang Dipohon Pembiayaan						
Kod Kemahiran	Nama Program Latihan	Tahap Latihan	Tarikh Mula Latihan	Tarikh Mula Latihan	Yuran Latihan	Kos Sara Hidup
					RM	RM
					RM	RM
					RM	RM
Jumlah					RM	RM
BAHAGIAN C: MAKLUMAT PENEMPATAN PEKERJAAN						
Nama Majikan						
No. Telefon				E-mel		
Alamat Majikan (termasuk poskod)						
Jawatan Penempatan				Gaji Bulanan	RM	
Status Pekerjaan		Sektor				

<b>BAHAGIAN D i: MAKLUMAT KELUARGA PEMOHON (BAPA/ SUAMI/ PENJAGA)</b>				
Hubungan Pertalian Dengan Pemohon				
Nama				
No. Kad Pengenalan		Warganegara		Status Perkahwinan
No. Telefon		E-mel		
Alamat Surat-menyurat (termasuk poskod)				
Pekerjaan		Sektor		Pendapatan Bulanan RM
Nama Majikan				
No. Telefon		E-mel		
Alamat Majikan (termasuk poskod)				
<b>BAHAGIAN D ii : MAKLUMAT KELUARGA PEMOHON (IBU/ ISTERI/ PENJAGA)</b>				
Hubungan Pertalian Dengan Pemohon				
Nama				
No. Kad Pengenalan		Warganegara		Status Perkahwinan
No. Telefon		E-mel		
Alamat Surat-menyurat (termasuk poskod)				
Pekerjaan		Sektor		Pendapatan Bulanan RM
Nama Majikan				
No. Telefon		E-mel		
Alamat Majikan (termasuk poskod)				

### **BAHAGIAN E: PENGAKUAN PEMOHON**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 74 di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

Tarikh: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pemohon

### **BAHAGIAN F: PENGESAHAN PENYEDIA LATIHAN**

Dengan ini disahkan bahawa semua butiran latihan di Bahagian B adalah benar. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar atau melanggar mana-mana syarat yang dikenakan, Penyedia Latihan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 73 dan Seksyen 74 di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengarah Urusan/ Pengurus Penyedia Latihan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Cap Penyedia Latihan



## PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

---

### LAMPIRAN 2

#### Senarai Semak Dokumen Permohonan

---



**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN  
 PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAIHRAN  
 SKIM TRANSFORMASI KERANGKA PRODUKTIVITI INSAN (TKPI)**

NAMA	:			
NO. K.P. PELATIH	:		No. Fail	:
NAMA DAN KOD PENYEDIA LATIHAN	:			
* Sila tandakan (√) di ruang yang berkenaan dan susun mengikut susunan seperti di senarai				PL
<b>DOKUMEN PELATIH</b>				PTPK
1.	Borang Permohonan Pembiayaan Latihan Kemahiran Skim Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI) (PTPK/BPPLP/200-TKPI-1);			
2.	Satu (1) Salinan Kad Pengenalan;			
3.	Surat Tawaran (PTPK/BPPLP/200-TKPI-3) dan Surat Setuju Terima Pembiayaan (Lampiran A) yang telah ditandatangani oleh Pelatih dan Pengurus Penyedia Latihan & (PTPK/BPPLP/200-TKPI-4);			
4.	Salinan Surat Tawaran Bekerja/ Surat Pengesahan Majikan;			
5.	Surat Tawaran Kemasukan ke Penyedia Latihan (PL) ( <i>Perlu ada maklumat Yuran &amp; Program Latihan</i> );			
6.	Satu (1) Salinan Slip Permohonan Pendaftaran Pelatih (JPK/T1002) dan Resit Rasmi Bayaran Pendaftaran JPK atau			
7.	Satu (1) Salinan Slip Pendaftaran Calon PPT dan Slip Penugasan PPT;			
8.	Borang Kebenaran/ Keizinan Pembayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Bank Penyedia Latihan. (PTPK/BPPLP/200-TKPI-10);			
<b>SURAT PERJANJIAN PINJAMAN</b>				
9.	Dua (2) Salinan Asal Surat Perjanjian Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI) yang telah diremitkan setem serta dicetak depan belakang (PTPK/BPPLP/200-TKPI-5).			

TERIMA DOKUMEN	BILIK SISIH TERIMA	TERIMA FAIL
Nama :	Nama :	Nama :
Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:

UNTUK DIISI OLEH PEGAWAI / KAKITANGAN PTPK SAHAJA		
TERIMA DOKUMEN / TOLAK DOKUMEN		
SEBAB KUIRI	:	Penyemak Tarikh:



## PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

---

### LAMPIRAN 3

#### Contoh Surat Tawaran & Penerimaan Tawaran Pembiayaan

---

PTPK/BPPLP/200-TKPI-3



**PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
ARAS 11, 12C, 15,16,17,18,19 DAN 27, MENARA DATO' ONN  
PUSAT DAGANGAN DUNIA KUALA LUMPUR (WTCKL)  
NO 45, JALAN TUN ISMAIL  
50530 W.P. KUALA LUMPUR

Tel : 03 - 4051 6200  
Faks : 03 - 4047 6142  
E-mel : [skillsfund@ptpk.gov.my](mailto:skillsfund@ptpk.gov.my)  
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

TKPI/23/XXXXXX



Ruj. Kami : PTPK/TKPI/23/XXXXXX-14-XXXXX/XXXXX  
Tarikh : 04-Mac-2023

Nama : BRANDON ANAK MALI  
No. Kad Pengenalan : XXXXXX-14-XXXX  
Alamat : LOT XXX TAMAN CANTEK OFF TAMAN  
TUKU  
80050 MIRI,  
SARAWAK

Tuan/ Puan,

**SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN SKIM TRANSFORMASI KERANGKA  
PRODUKTIVITI INSAN (TKPI)**

Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan adalah ditawarkan **Pembiayaan Latihan Kemahiran Skim Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI)** untuk mengikuti latihan kemahiran seperti berikut;

- i. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan : **RM9,800.00**
  - a) Yuran Latihan : **RM9,800.00**
- ii. Tempoh latihan : Dari **04-FEB-2023** hingga **03-MEI-2023**
- iii. Nama Program : **RB-081-3-2012**  
**PENYELIAAN DAN OPERASI PENANAMAN KELAPA SAWIT**
- iv. Kod Penyedia Latihan : **K14029**
- v. Nama Penyedia Latihan : **PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN SARAWAK - SAVTI**  
**KM48, MIRI-BINTULU ROAD KABULOH P.O.BOX 1022**  
**BOULEVARD POST OFFICE 98000, MIRI, SARAWAK**
- vi. Nama Penempatan Majikan : **LADANG SAWIT MIRI SDN. BHD. (103911-W)**  
**KM48, MIRI-BINTULU ROAD KABULOH P.O.BOX 1022**  
**BOULEVARD POST OFFICE 98000, MIRI, SARAWAK**

**2. TANGGUNGJAWAB PELATIH**

2.1 Sekiranya tuan / puan menerima tawaran ini, tuan / puan adalah bertanggungjawab untuk;

- i. tidak menukar atau menangguhkan atau meninggalkan latihan kemahiran seperti yang ditawarkan oleh Penyedia Latihan tanpa mendapat kebenaran PTPK; dan
- ii. memaklumkan kepada PTPK sekiranya tuan/ puan terhalang daripada meneruskan latihan disebabkan oleh penyedia latihan telah menutup operasi atau muflis atau mengalami kebakaran atau banjir dan sebagainya.

### 3. HAK PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

- 3.1 Jumlah yuran latihan akan dibayar secara terus ke akaun bank Penyedia Latihan.
- 3.2 Pembayaran Yuran akan dibuat selepas permohonan pembiayaan berstatus Perjanjian Lengkap di dalam sistem PTPK.
